

## 700 unit PPR, PA Bandar Tun Razak dibaikpulih libatkan kos RM3 juta

**KUALA LUMPUR 18 Julai** - Sejumlah 700 unit projek perumahan rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Parlimen Bandar Tun Razak terpilih bagi kerja-kerja baikpulih dalam unit.

Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar berkata, kerja-kerja berkenaan melibatkan peruntukan berjumlah hampir RM3 juta.

Menurutnya, ia merupakan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM100 juta yang diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bagi projek memperindah dan mencantikkan kawasan perumahan PA dan PPR.

"Projek ini melibatkan seluruh Kuala Lumpur namun ada parlimen-parlimen yang diberi tumpuan khas bagi pelaksanaan ini.



**Projek ini melibatkan seluruh Kuala Lumpur namun ada parlimen-parlimen yang diberi tumpuan khas bagi pelaksanaan ini.**

### **RIZALMAN MOKHTAR**

**Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak**



"Kos pembaikan setiap unit adalah antara RM2,000 hingga RM4,000. Bergantung kepada jenis kerosakan," katanya ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di sini.

Dalam majlis tersebut, lebih 7,000 masyarakat parlimen itu hadir memeriahkan majlis rumah terbuka tersebut.

Dalam pada itu, Rizalman berkata, beliau tidak menolak sambutan yang diberikan ber-

dasarkan inisiatif yang telah banyak dilaksanakan kerajaan di parlimen itu.

Ujarnya, banyak usaha yang sedang dan akan dilaksanakan demi kesejahteraan masyarakat Bandar Tun Razak terutamanya melibatkan penduduk PPR dan PA DBKL.

"Proses mengecat bangunan juga sedang berjalan. Kita juga berjaya menyediakan projek parkir bertingkat di tujuh kawasan PPR yang kini giat dilaksanakan," katanya.